

Ruj.kami : (12)PSMB/20/8 Kulit 7  
Tarikh : 15 September 2014

## **PEKELILING MAJIKAN NO.11/2014**

### **TUNTUTAN GERAN LATIHAN SECARA ATAS TALIAN (*e-Claim*) BAGI MAJIKAN DAN PENYEDIA LATIHAN**

---

#### **1.0 TUJUAN**

- 1.1 Tujuan pekeliling ini adalah untuk memaklumkan majikan berdaftar dan penyedia latihan mengenai kemudahan tuntutan geran latihan secara atas talian atau e-Claim melalui portal PSMB.

#### **2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Sejak penubuhan MPSM / PSMB, tuntutan geran latihan hanya boleh dituntut dengan mengemukakan borang secara manual samada melalui pos atau serahan tangan. Pada tahun 2004 pula, sistem e-Form telah diperkenalkan yang mana borang tuntutan diperolehi secara atas talian dan ianya masih perlu dicetak dan dikemukakan kepada PSMB.
- 2.2 Walaupun e-Form bukanlah satu aplikasi atas talian sepenuhnya, namun penggunaanya dapat mengelakkan kesilapan berlaku semasa mengisi borang tuntutan. PSMB mendapati penggunaan e-Form di kalangan majikan adalah amat menggalakkan.

- 2.3 Selaras dengan matlamat kerajaan bagi memastikan “90% perkhidmatan secara atas talian”, maka aplikasi tuntutan geran latihan yang dahulunya tidak sepenuhnya secara atas talian akan dinaiktaraf dan akan dikenali sebagai e-Claim.
- 2.4 Aplikasi e-Claim akan digunakan oleh Majikan dan Penyedia Latihan bagi tujuan membuat tuntutan geran latihan ke atas semua skim-skim latihan PSMB. Walau bagaimanapun bagi Skim PROUS dan PERLA yang telah dimansuhkan aplikasi ini adalah tidak terpakai. (rujuk Pekeliling Majikan bil.1/2014). Aplikasi e-Claim bukan sahaja dapat memudahkan proses membuat tuntutan geran latihan malah ianya dapat meningkatkan kecekapan PSMB dalam penyampaian perkhidmatan.

### **3.0 PELAKSANAAN TUNTUTAN GERAN LATIHAN ATAS TALIAN**

- 3.1 Tuntutan geran latihan atas talian atau e-Claim akan dilancarkan pada 15 September 2014 dan kemudahan ini boleh diakses oleh Majikan dan Penyedia Latihan melalui portal PSMB.
- 3.2 Aplikasi e-Claim boleh diakses dengan menggunakan *Login ID* dan katalaluan yang akan diberikan oleh PSMB kepada semua majikan bermula awal September 2014.
- 3.3 Dalam tempoh pelaksanaan aplikasi ini, majikan dan penyedia latihan masih lagi diberi pilihan untuk menghantar tuntutan secara manual seperti kebiasaan sehingga PSMB mewajibkan penghantaraan tuntutan secara atas talian sepenuhnya di masa hadapan.

- 3.4 Dengan pelaksanaan e-Claim ini, kemudahan e-form bagi tujuan tuntutan geran latihan akan dihentikan dan tidak boleh diakses lagi.

#### **4.0 TUNTUTAN OLEH PENYEDIA LATIHAN UNTUK SKIM SBL –KHAS**

- 4.1 Penyedia Latihan yang membuat tuntutan yuran latihan di bawah Skim SBL-Khas melalui aplikasi e-Claim dikehendaki menyertakan Borang Pengesahan Bersama Oleh Majikan dan Penyedia Latihan (PSMB/SBL-KHAS/JD/14), senarai kehadiran (PSMB/SBL-KHAS/T3/01) dan inbois.
- 4.2 Borang (PSMB/SBL-KHAS/JD/14) ini hendaklah diisi oleh penyedia latihan dan ditandatangan oleh majikan dan penyedia latihan sebagai persetujuan amaun yuran yang dituntut, pelaksanaan program latihan dan kebenaran yuran dibayar terus kepada penyedia latihan. Borang ini hanya perlu dikemukakan sebagai lampiran bagi penghantaran tuntutan melalui e-Claim sahaja.
- 4.3 Sekiranya penyedia latihan membuat tuntutan secara manual, borang pengesahan di atas tidak perlu dikemukakan. Tiada perubahan bagi penghantaran tuntutan SBL-KHAS secara manual.

#### **5.0 DOKUMEN SOKONGAN**

- 5.1 Dokumen sokongan yang perlu dihantar oleh majikan atau penyedia latihan bagi membuktikan bayaran bagi kos – kos yang layak dituntut adalah tidak berubah. Majikan dan penyedia latihan masih lagi perlu mengemukakan resit, baucar bayaran, inbois dan juga senarai kehadiran walaupun tuntutan dikemukakan secara dalam talian.

- 5.2 Dokumen sokongan ini perlulah dikemukakan sebagai lampiran dalam bentuk “soft copy” semasa membuat tuntutan secara atas talian tersebut. Salinan asal dokumen sokongan bagi setiap tuntutan yang dibuat perlulah disimpan oleh majikan dan penyedia latihan di premis masing – masing dan boleh diperiksa oleh PSMB pada bila – bila masa jika perlu.

## **6.0 PENUTUP**

- 6.1 Panduan tuntutan mengenai e-Claim boleh diperolehi daripada portal PSMB sebaik sahaja pelaksanaan e-Claim berkuatkuasa.
- 6.2 Segala peraturan dan syarat tuntutan geran latihan yang sedia ada masih lagi terpakai sama ada tuntutan secara e-Claim atau secara manual.
- 6.3 Untuk sebarang pertanyaan atau bantuan sila hubungi pusat panggilan kami di talian 1-800-88-4800 atau email [support@hrdf.com.my](mailto:support@hrdf.com.my).

Perhatian tuan/puan mengenai perkara ini amat kami hargai.

Sekian, terima kasih

**“HRDF - SHAPING PEOPLE”**

**“PEKERJA BERINOVASI PEMACU TRANSFORMASI”**

Yang ikhlas,

**(WAN YON SHAHIMA BINTI WAN OTHMAN)**

Timbalan Ketua Eksekutif (Pengurusan)

b.p Ketua Eksekutif

Pembangunan Sumber Manusia Berhad

**PENGESAHAN BERSAMA OLEH MAJIKAN DAN PENYEDIA LATIHAN BAGI  
TUNTUTAN SKIM SBL -KHAS (YURAN) DI BAWAH AKTA PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA. 2001**

Borang ini adalah pengesahan majikan yang terlibat bahawa program latihan yang dituntut telah dijalankan dan bersetuju dengan yuran yang dikenakan serta memberi kebenaran penyedia latihan membuat tuntutan kepada PSMB. Pengesahan ini hanya boleh ditandatangan oleh majikan selepas latihan tamat. Borang ini perlu dilampirkan semasa penyedia latihan membuat tuntutan SBL-KHAS secara online. Borang ini juga perlu disimpan oleh penyedia latihan di premisnya dan boleh diperiksa oleh PSMB pada masa akan datang.

**BAHAGIAN 1 – BUTIR –BUTIR MAJIKAN**

Nama dan Alamat Majikan Berdaftar :	Mycoid : _____
	No. Kelulusan : _____
	Bil.kump.Lulus : _____
	Bil.Kump.Tuntut : _____
Tajuk Kursus : _____	
Tarikh Latihan : _____	Mula : _____ Tamat : _____
Tempat Latihan : _____	

**BAHAGIAN 2 – TUNTUTAN YURAN**

Bil. Pelatih	Jumlah Yuran Diluluskan (RM)	Jumlah Yuran Dituntut (RM)

**BAHAGIAN 3 – PENGESAHAN BERSAMA OLEH MAJIKAN DAN PENYEDIA LATIHAN**

- (a) Saya mengesahkan bahawa maklumat yang diberikan di atas adalah betul dan tepat serta program latihan yang dituntut tersebut telah dijalankan mengikut termasuk dan syarat di bawah skim ini. Saya juga mengesahkan selain daripada tuntutan ini, tiada tuntutan lain dibuat bagi kos latihan ini. Kesemua dokumen yang berkaitan dengan latihan ini disimpan oleh pihak kami dan boleh diperiksa oleh Sekretariat Pembangunan Sumber Manusia Berhad pada bila bila masa.(PENYEDIA LATIHAN)

TANDATANGAN : _____	JAWATAN : _____
NAMA : _____	CHOP SYARIKAT : _____
NO.MYKAD : _____	(Pengarah Urusan/ Pengurus Besar/ Pengetua / Pengurus Pusat Latihan)

TARIKH : \_\_\_\_\_

- (b) Saya mengesahkan bahawa latihan telah dijalankan dan telah tamat dan saya bersetuju dengan tuntutan yuran di atas. Saya bertanggungjawab ke atas tuntutan yang dibuat dan maklumat yang dinyatakan adalah benar dan tepat. (MAJIKAN)

TANDATANGAN : _____	JAWATAN : _____
NAMA : _____	CHOP SYARIKAT : _____
NO.MYKAD : _____	(Hanya boleh disahkan oleh Pengarah Urusan/Pengurus Besar/ Pengarah Kewangan/Akauntant )

TARIKH : \_\_\_\_\_

**PERINGATAN :** Anda diingatkan bahawa anda akan didakwa di bawah sekyen 40/41 Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad, 2001 (Akta 612) dan Pembangunan Sumber Manusia Berhad dengan kuasa yang ada padanya boleh menuntut semula sebarang amaun yang telah dibayar, jika anda memberi keterangan palsu atau mengelirukan atau menggunakan sebarang dokumen palsu atau mengelirukan bagi memperolehi bayaran tuntutan daripada Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia. .